

02/03/2003

Suara lantang, marah, kesal pemimpin NAM

Jamhariah Jaafar

SIDANG Kemuncak Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) ke-13 di ibu negara pada 20 hingga 25 Februari lalu bukan saja berjaya menghimpun dan merumuskan pendapat pemimpin dunia, malah berhasil memartabatkan kembali

pergerakan itu yang selama ini tidak bertaring.

Deklarasi Kuala Lumpur yang menjadi tonggak utama persidangan akan menjadi asas kepada seluruh kegiatan yang akan dianjurkan Malaysia sebagai tuan rumah bagi tempoh tiga tahun akan datang.

Kerja keras Kuala Lumpur dalam menganjurkan sidang puncak ini terbayar dengan penuh, terutama majoriti Ketua Negara dan Kerajaan, menteri luar dan delegasi anggota NAM menggunakan platform perbincangan untuk menyuarakan pelbagai isu semasa.

Fokus utama adalah memiliki orde baru yang aman, makmur, lebih adil dan saksama, menyanggah sebarang tindakan unilateral yang kini semakin galak digunakan oleh kuasa besar yang mencipta satu bentuk penjajahan era baru, mengambil peluang daripada arus globalisasi yang semakin galak meranapkan kedaulatan dan maruah negara kecil dan lemah.

Iraq dan Palestin adalah antara mangsa sikap biadap kuasa Besar, manakala keberanian Korea Utara dalam menyanggah kekuasaan Barat, menjadi pertikaian - hanya kerana ia ingin menarik diri daripada Perjanjian Kawalan Senjata Nuklear (NPT).

Sebagai negara berkecuali yang wujud ketika era Perang Dingin antara Timur dan Barat, NAM enggan hilang dari muka bumi sebaliknya bersatu dalam menggerakkan usaha bagi memastikan suara Dunia Ketiga dan sedang membangun, lantang di pentas dunia. NAM tidak rela melihat mana-mana anggotanya diperkotak-katikkan oleh mana-mana negara walaupun yang terkuat dan tergagah di dunia, kerana ia bertentangan dengan prinsip hak asasi dan undang-undang dunia yang dulunya digariskan sendiri oleh kuasa terbabit.

Justeru, suara pemimpin NAM yang langsung tidak didengar jika dilaungkan di negara masing-masing, tetapi berdentum apabila Kuala Lumpur tanpa prejudis membenarkan diri sebagai pentas luahan perasaan tidak puas hati terhadap sikap kuasa besar dalam menyalahgunakan kuasa serta pengaruh mereka dalam menindas negara yang dipandang remeh, kecil dan lemah.

Ikuti suara lantang, marah, kesal, kecewa dan rintih pemimpin dan delegasi yang terbabit sepanjang Sidang Kemuncak NAM yang berakhir Selasa lalu.

PRESIDEN CUBA, FIDEL CASTRO:

"KITA pernah dijanjikan dunia yang aman, pengurangan jurang antara kaya

dan miskin, serta bantuan daripada negara maju. Namun itu, semuanya pembohongan semata. Itulah kita... sudut gelap dunia. Itulah persepsi sesetengah pihak terhadap negara dunia ketiga," - katanya ketika berucap di sidang pleno.

"Kuasa dirampas dari PBB, ia mewujudkan prosedur penghalang dan Pertubuhan itu sendiri musnah; bantuan pembangunan berkurangan; terdapat desakan bertalu-talu dari negara Dunia Ketiga supaya membayar hutang bernilai 2.5 trilion dolar Amerika yang tidak boleh dibayar berikutan situasi yang berlaku sekarang, sedangkan satu juta trilion dolar Amerika telah digunakan untuk memiliki senjata pemusnah lebih canggih. Mengapa itu

berlaku? Dan untuk apa ia dibenarkan?"

PRESIDEN ZIMBABWE, ROBERT MUGABE:

"LEBIH sedih apabila Amerika Syarikat selaku kuasa besar dunia kini disertai Britain, negara yang memang dilahirkan sebagai penjajah. Mereka kini bagai anjing pemburu yang garang serta bersedia untuk menerjah apabila terhidu lebih banyak darah terutama darah dunia ketiga. Kita kini

menjadi permainan pemburu yang hanya menunggu masa untuk disembelih."

"Kita ditipu untuk mempercayai bahawa kita semua akan memiliki hak yang sama di dalam perkampungan berkenaan, tapi dinafi untuk memiliki kekuatan

ketenteraan yang sama gagah seperti dimiliki negara Barat dan maju.

Lebih malang, kedaulatan politik negara membangun tidak kuat seperti 'big brother'. 'Big brother' mempunyai hak untuk menentukan keadilan sistem negara membangun tetapi negara berkenaan tidak mempunyai suara untuk menegur 'big brother'," - berucap di sidang pleno.

PERDANA MENTERI INDIA, SHRI ATAL BIHARI VAJPAYEE:

"NAM patut menumpukan perhatian kepada isu yang menyatukan, bukannya yang memecahbelahkan kita dalam Pergerakan yang memiliki 116 anggota. Memang tidak boleh dielakkan, akan ada perbezaan pendapat malahan pertelingkahan antara kita. Bagaimanapun kita akan kehilangan masa, tenaga

dan fokus jika kita membabitkan diri kita di dalam isu-isu ini.

"Kita patut merumuskan rundingan di PBB membabitkan mengenai Keganasan Antarabangsa. Ia menjadi suatu perkara yang amat memalukan kerana di kala

keganasan berterusan dan mengorbankan semakin banyak mangsa dengan tindakan ganas yang lepas satu, satu lagi, kita pula tidak mampu untuk mencapai kata sepakat hanya mengenai perjanjian antarabangsa... dan ia hanya kerana kita tidak mencari definisi keganasan yang boleh diterima secara universal." - berucap pada sidang pleno.

PRESIDEN REPUBLIK SRI LANKA, CHANDRIKA BAHDARANAIKE KUMARATUNGA:

"ADA orang berkata: "harapan mula dikhianati, menukarnya kepada bom." Ketidakadilan akan berubah menjadi kekecewaan, sebelum beralih kepada kekerasan atau keganasan.

PRESIDEN REPUBLIK IRAN, SEYYED MOHAMMAD KHATAMI

"DUNIA masa depan, bukannya masa depan abad depan, tetapi hanya 20 atau

30 tahun akan datang, akan memberi kesan besar terhadap institusi sosial yang wujud, hubungan ekonomi, malahan sikap kemanusiaan itu sendiri.

Media

massa telah mengecilkan dunia dan teknologi satelit pula tidak

mengiktiraf
atau patuh kepada sempadan.

Fenomena globalisasi mencetus ancaman serius ke atas aspek paling asas masyarakat kita, seperti identiti budaya dan perbezaan tamadun antara rakyat dan dunia. Apa yang mampu dilahirkan oleh `mesin' ini seekor raksasa, yang tidak memiliki memori, tidak memahami puisi, gagal untuk mengenalpasti warna, ruang dan harmoni di dalam lukisan, arkitektur dan muzik, tidak mampu untuk menikmati `kesucian rohan" dan tidak berasa kepedihan tangisan atau kemanisan senyuman." - berucap pada sidang pleno.

PERDANA MENTERI JAMAICA, PJ PATTERSON

"Di sebalik dialog, rundingan, pujukan dan petisyen selama berdekad-dekad, pembabitan negara membangun di dalam pengurusan ekonomi dunia terus kekal setakat di pinggiran. Masa untuk bercakap sudah berakhir, tindakan lebih tegas patut menjadi agenda utama kita sekarang."

PRESIDEN REPUBLIK SOMALI, DR ABDIKASSIM SALAD HASSAN

"Somalia pernah hilang dari pentas dunia, akibat dari bertahun-tahun berperang, yang memberi kesan bukan saja kepada begitu banyak nyawa manusia, bahkan memusnahkan seluruh kerajaan, harta awam termasuk hospital dan sekolah.

Bagaimanapun, tidak ada kerajaan di Somalia dapat berfungsi dengan berkesan tanpa usaha perlucutan senjata yang komprehensif. Tapi langkah pertama ke arah itu adalah sekatan kepada pengaliran berterusan senjata ke Somalia. Justeru, saya menyeri semua sahabat NAM saya supaya menyumbang dengan lebih berkesan untuk merealisasikan tindakan perlucutan senjata di Somalia."

PRESIDEN REPUBLIK MOZAMBIQUE, JOAQUIM ALBERTO CHISSANO:

"PENYUBURAN semula patut memulihkan semula kewibawaan di dalam dan luar pergerakan ini. Ia perlu membabitkan proses peningkatan keyakinan, pada peringkat kita kemudian pada peringkat antarabangsa. Kekurangan keyakinan dan kepercayaan negara anggota NAM menggugat kewibawaan Pergerakan ini di seluruh dunia. Tanpa keyakinan dan kepercayaan anggota kita sendiri, kita tidak boleh berharap rakan di luar Pergerakan untuk memberi keyakinan dan kewibawaan."

PRESIDEN AFRIKA SELATAN, THABO MBEKI:

"KITA bertemu di bandaraya dan negara harapan, Kuala Lumpur dan Malaysia, pada ketika amat murung dalam evolusi masyarakat dunia. Tugas yang kita hadapi ialah untuk membuat keputusan yang boleh memberi semula harapan kepada kemanusiaan."

MENTERI LUAR IRAQ, DR NADJI SABRI:

"UCAPAN Dr Mahathir Mohamad boleh dijadikan perlembagaan NAM kerana ia mengandungi pembangunan dan kebajikan seluruh anggotanya."

PRESIDEN FILIPINA, GLORIA MACAPAGAL ARROYO:

"KEPADA Perdana Menteri, Dr Mahathir, tahniah kerana bukan hanya mempengerusikan NAM, tapi juga memberi model untuk pergerakan meneruskan

penyuburan semulanya di dalam abad 21 ini."

PRESIDEN PALESTIN, YASSER ARAFAT:

"HARI ini Timur Tengah berada di persimpangan jalan yang kritikal dan di ambang jurang yang begitu genting. Bayangan peperangan menghantui keseluruhan rantau, dengan sasaran bukan saja kepada Iraq bahkan negara lain di rantau.

"Rakyat Palestin, yang telah cukup lama menderita angkara keganasan Israel yang turut merampas tanah dan harta kami, akan membayar harga yang mahal jika peperangan berlaku. Ini adalah kerana kerajaan Israel akan menjadi orang pertama di barisan hadapan untuk memastikan peperangan berlaku dalam usaha untuk mengeksploitasi situasi... di kala dunia sibuk dengan Iraq, ia akan sibuk dengan pelaksanaan rancangannya untuk memaksa rakyat kami berpindah dan memusnahkan saki baki institusi kami serta tapak

tanah suci bagi kami." - Rakaman ucapannya disiarkan pada sidang pleno. PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD

"AMAT jelas sekarang, relevansi NAM tidak patut dipertikaikan lagi. Malahan Pergerakan ini menjadi lebih relevan hari ini, bagi melindungi dan

mengukuhkan kepentingan negara Selatan. Ia adalah lambang harapan dan aspirasi kita untuk menikmati kemakmuran ekonomi dalam dunia yang aman, selamat dan adil." - Diucapkan ketika menutup Sidang Kemuncak NAM.

"Seperti semua orang lain, saya takut jika saya hulurkan keluar leher ia

akan dipotong. Tetapi setakat ini, ia masih terlekat." - ketika menjawab soalan sama ada beliau tidak takut dengan Amerika Syarikat kerana terlalu

berani, pada sidang akhbar selepas Sidang Puncak ditutup.

Pada sidang akhbar yang sama, Dr Mahathir dengan tegas berkata: "Tanpa NAM, semua kita akan dikunyah dan ditelan satu persatu."

Ketika merasmikan persidangan itu, Perdana Menteri berkata: "Inikah bentuk dunia hari ini, penindasan terhadap si miskin oleh si kaya; berlakunya ketidakadilan, ketidaksetaraan. Meletakkan garam ke atas luka, negara miskin sering diberitahu mereka kurang ketelusan dan tata urus yang baik, mereka tidak menghormati hak asasi manusia, mereka tidak mengamalkan kebebasan bersuara, kebebasan akhbar dan sebagainya, hakikatnya negara kaya yang kurang ketelusan, tidak menghormati hak asasi

manusia, membendung hak kita untuk berkata benar mengenai apa yang mereka

lakukan, siapa yang memperalatkan media untuk menyembunyi kekejaman dan menyemarakkan penipuan."

PRESIDEN PAKISTAN, JENERAL PERVEZ MUSHARRAF

"NAM mesti kekal sebagai simbol harapan kepada rakyat yang sehingga hari

ini masih bertungkus lumus untuk merealisasikan hak untuk menentukan sendiri masa depan mereka."

"Kami sentiasa bersedia untuk berbincang. Pada masa lalu, saya telah berusaha sedaya upaya untuk duduk berbincang dengan mereka (India), tapi ia tidak semestinya hanya saya terus berusaha. Kedua-dua tangan mesti bertepuk, tidak ada guna bertepuk sekiranya satu lagi tangan tidak naik ke atas."

